

**Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah**

Volume 21 No. 1 (2025)

ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328

Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **Differences in the Science of *Fawāṣil* and Their Impact on *Mutawātir Qirā'āt***
- Author (s) : Abd Muhammin Ahmad, Muhammad Arif Musa, and Khairul Anuar Muhammad
- Affiliation (s) : Universiti Sains Islam, Malaysia
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v21i1.521>
- History : Received: May 8, 2025; Revised: June 9 2025; Accepted: June 24, 2025; Published: June 30, 2025.
- Citation : Ahmad, Abd Muhammin, Muhammad Arif Musa, and Khairul Anuar bin Muhammad. "Differences in the Science of *Fawāṣil* and Their Impact on *Mutawātir Qirā'āt*." Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah 21, no. 1 (2025): 108-131.  
<https://doi.org/10.33102/jmqs.v21i1.521>
- Copyright : © The Authors
- Licensing : This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](#)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

# **Khilaf Ilmu Fawāṣil Dan Kesannya Terhadap Bacaan Qirāāt Mutawātirah**

## **Differences in the Science of *Fawāṣil* and Their Impact on *Mutawātir Qirāāt***

**Abd Muhammin Ahmad\***  
**Muhammad Arif Musa**  
**Khairul Anuar Muhammad**  
Faculty of Quranic and Sunnah Studies  
Universiti Sains Islam Malaysia

### **Abstrak**

Ilmu fawāṣil membincangkan bilangan ayat dalam al-Quran dan perbezaan penentuan ayat berdasarkan riwayat ulama, dan terbahagi kepada tujuh mazhab utama seperti Madanī Awwal, Madanī Akhīr, Makkī, Baṣrī, Dimašqī, Kūfī dan Ḥimsī. Perbezaan dalam pengiraan ayat bukan sahaja memberi kesan kepada jumlah ayat, bahkan mempengaruhi percetakan mushaf berasaskan qirāāt mutawatirah dalam isu-isu tertentu. Kajian ini bertujuan mengenal pasti pegangan qirāāt dan riwāyat terhadap mazhab fawāṣil, serta menganalisis kesannya terhadap bacaan al-Quran khususnya dalam isu taqlīl pada ru’ūs al-āyi yang melibatkan 11 surah. Fokus diberikan kepada qirāāt Nāfi’ riwayat Warsh dan qirāāt Abū ‘Amr yang mempunyai variasi bacaan disebabkan perbezaan pegangan mazhab fawāṣil. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks terhadap sumber utama qirāāt, fawāṣil, dan mushaf cetakan pelbagai riwāyat. Dapatkan menunjukkan bahawa perbezaan mazhab fawāṣil memberi implikasi terhadap bentuk bacaan dalam qirāāt tertentu. Oleh itu, disarankan agar mushaf riwayat Ḥafṣ daripada Āṣim yang mencatat khilaf qirāāt turut menyatakan ru’ūs al-āyi yang berimplikasi terhadap bacaan untuk mengelakkan kekeliruan dalam pengajaran dan hafazan qirāāt mutawatirah.

**Kata Kunci:** *Fawāṣil*, percetakan mushaf, *ru’ūs al-āyi*, riwayat dan *qirāāt, taqlīl*, pendidikan *qirāāt*.

### **Abstract**

The science of *fawāṣil* (verse rhythmization) concerns itself with the enumeration of Qur’anic verses and the differences in verse delimitation as

---

\* Correspondence concerning this article should be addressed to Abd Muhammin Ahmad, Universiti Sains Islam Malaysia at muhammin@usim.edu.my



transmitted by various scholars. It is traditionally categorised into seven major schools: *Madanī Awwal* (First Medinan), *Madanī Akhīr* (Last Medinan), *Makkī* (Meccan), *Baṣrī* (Basran), *Dimashqī* (Damascene), *Kūfī* (Kufan), and *Himṣī* (Himsan). Variations in verse counting not only alter the total number of verses but also influence the printing of *mushāfs* (Qur'anic codices) based on different *mutawātir qirā'āt* (mass-transmitted variant readings) on particular matters. This study aims to identify the affiliation of each *qirā'ah* (mode of recitation) and *riwāyah* (transmission) with the respective *fawāṣil* schools and to analyse their impact on Qur'anic recitation, especially concerning the issue of *taqlīl* (abbreviation or reduction) at the *ru'ūs al-āyī* (ends of verses) in eleven surahs. The research focuses on the *qirā'ah* of Nāfi' (transmitted by Warsh) and Abū 'Amr, which manifest recitational differences stemming from their distinct *fawāṣil* affiliations. Employing a qualitative methodology, the study undertakes textual analysis of primary sources in the disciplines of *qirā'āt*, *fawāṣil*, and printed *mushāfs* from various *riwāyāt*. The findings reveal that divergences among *fawāṣil* schools directly influence the recitational patterns of certain *qirā'āt*. Accordingly, it is recommended that *mushāfs* based on the Ḥafṣ *riwāyah* from 'Āsim which already indicate *qirā'āt* differences in the margins, should also annotate the *ru'ūs al-āyī* that affect recitation in order to avert confusion in the teaching and memorisation of *mutawātir qirā'āt*.

**Keywords:** *Fawāṣil*, *mushaf* printing, *riwayat* and *qirā'āt*, *taqlīl*, *ru'ūs al-āyī*, *qirā'āt* education.

## Pendahuluan

Ilmu *fawāṣil* ialah ilmu yang membincangkan jumlah ayat dalam suatu surah al-Quran dan perbezaan dalam penentuan dan pengiraan ayat dengan dinisbahkan kepada para imam yang meriwayatkannya.<sup>1</sup> Dalam ilmu *fawāṣil*, menjadi kebiasaan bagi para ulama bidang ini untuk menisbahkan perbezaan pengiraan ayat kepada sesebuah bandar atau wilayah, dan bukannya kepada individu. Menurut Shukrī, ilmu ini juga turut dinamakan sebagai ilmu '*adad*', dan kedua-dua istilah ini, iaitu *fawāṣil* dan '*adad*' digunakan oleh para ulama bagi merujuk ilmu yang sama dalam karya mereka.<sup>2</sup>

Para ulama ilmu *fawāṣil*/berbeza dalam menukarkan jumlah mazhab yang menjadi pegangan dalam pengiraan ayat al-Quran. Sebahagian mereka ada yang menganggap bahawa jumlah mazhab tersebut ialah enam, sesuai dengan jumlah

<sup>1</sup> Shukrī, Ahmad Khālid, *al-Muyassar fī 'Ilmi 'Addi Ayī al-Qur'ān*, (Jeddah: Ma'had al-Imām al-Shāṭibī, 2012), 10.

<sup>2</sup> Ibid, 12.

mushaf yang dihantar oleh Uthman RA ke bandar atau wilayah tersebut.<sup>3</sup> Mazhab-mazhab tersebut ialah *Madanī Awwal*, *Madanī Akhīr*, *Makkī, Baṣrī, Shāmī (Dīmašqī)* dan *Kūfī*. Ini merupakan pendapat yang dipilih oleh al-Dānī di dalam kitab beliau *al-Bayān*, dan diikuti oleh al-Shāṭibī, al-Sakhawī, dan al-Mukhallilatī.<sup>4</sup>

Manakala sebahagian ulama yang lain pula menyatakan bahawa jumlah mazhab *fawāṣil* ialah tujuh dengan menambah mazhab *Himsī* ke atas enam mazhab yang telah disebutkan sebelum ini. Ia merupakan pendapat al-Huzalī di dalam kitab beliau *al-Kāmil*, *al-Ja'barī*, *al-Dimyātī*, *al-Haddād*, *al-Mutawallī*, *al-Qādī*, dan *Ibrāhīm*.<sup>5</sup> Ini dengan mengambil maklum bahawa mazhab *Himsī* ini telah dinilai sebagai lemah (*da'īf*) oleh sebahagian ulama seperti al-Dānī dan juga al-Huzalī.<sup>6</sup>

Perbezaan dalam penentuan ayat antara mazhab *fawāṣil* ini tidak hanya mempengaruhi bilangan ayat al-Quran, tetapi turut mempengaruhi percetakan mushaf al-Quran dengan pelbagai riwayat dan *qirāāt* yang *mutawatirah* khususnya dalam pengiraan ayat yang menjadi pegangan mushaf-mushaf tersebut.<sup>7</sup> Di samping itu, perbezaan dalam penentuan ayat ini hakikatnya turut mempengaruhi sebahagian bacaan riwayat dan *qirāāt* dalam topik tertentu. Antara topik yang dilihat mempunyai hubungkait secara langsung terhadap

<sup>3</sup> Abdul Rāziq 'Alī Ibrāhīm, *Mursyid al-Khillān Ilā Ma'rifah 'Ad Ayi al-Qur'ān*, (Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, 1989), 5.

<sup>4</sup> al-Dānī, 'Uthmān Sa'īd, *al-Bayān fī 'Addi Ayi al-Qur'ān*, (Kuwait: Markaz al-Makhtūtāt wa al-Turāth wa al-Wathā'iq, 1994), 14. al-Shāṭibī, al-Qāsim bin al-Fīrruh, *Nāzimah al-Zuhr fī 'Ilmi al-Fawāṣil* (Kaherah: Maktabah wa Maṭba'ah Mustafā al-Babī al-Halabī, 1970). al-Sakhawī, 'Alī Muḥammad, *Fatḥ al-Wasid fī Sharḥ al-Qasīd*. (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2005.). al-Mukhallilatī, Rīdwān bin Muhammad, *Al-Qaul al-Wajiz fī Fawāṣil al-Kitāb al-'Azīz*, (Madinah, 1992).

<sup>5</sup> al-Huzalī, Yūsuf bin 'Alī, *Al-Kāmil fī al-Qirā'at al-'Ashar wa al-Arbā'īn al-Zā'idah 'Alaihā*, (Kaherah: Muassasah Samā, 2007). al-Ja'barī, Ibrāhīm bin 'Umar, *Husnu al-Madād fī Fan al-'Adād*, (Al-Haram: Maktabah Aulād al-Sheikh li al-Turāth, 2005). al-Dimyātī, Ahmād bin Muḥammad, *Ithāf Fuḍalā' al-Bashar fī al-Qirā'at al-Arbā'ah 'Ashar*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2006). Al-Haddād, Muḥammad bin 'Alī, *Sā'ādah al-Dārain fī Bayān wa 'Addi Ayi Mu'jiz al-Thaqalain*, (Mesir: Maṭba'ah al-Mā'āhid, 1924). Al-Mutawallī, Muḥammad Ahmād, *Tahqīq al-Bayān fī 'Addi Ayi al-Qur'ān*, (t.t.). al-Qādī, 'Abd al-Fattāḥ 'Abd al-Ghānī, *Nafāis al-Bayān Sharḥ al-Farā'īd al-Hisān*, (Madinah: Maktabah al-Dār, 1403H). Ibrāhīm, 'Abdul Rāziq 'Alī, *Mursyid al-Khillān Ilā Ma'rifah 'Ad Ayi al-Qur'ān*, (Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, 1989).

<sup>6</sup> al-Dānī, 'Uthmān Sa'īd, *al-Bayān fī 'Addi Ayi al-Qur'ān*, 70. al-Huzalī, Yūsuf bin 'Alī, *Al-Kāmil fī al-Qirā'at al-'Ashar wa al-Arbā'īn al-Zā'idah 'Alaihā*, 110.

<sup>7</sup> Ahmad, Abd Muhammin, Sabri Mohamad, dan Haziyah Hussin, "Qadīyyah fī Tibā'ah al-Maṣāḥif al-Qur'āniyyah: al-Khilāf fī 'Ilmi al-'Adād wa Taṭbiqihu fī Tibā'ah al-Maṣāḥif al-Qur'āniyyah fī al-'Alam." *International Journal of Islamic Thought* (2015): 104-115. Ahmad, Abd Muhammin, "Perbezaan di Antara Mushaf-mushaf al-Quran: Sorotan Terhadap Aspek Ilmu Dhabit al-Quran." *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah* (2021): 45-57.

perbezaan *fawāṣil* ialah khilaf bacaan *taqlīl* pada *ru`ūs al-āyi* yang berlaku dalam 11 surah bagi riwayat Warsh dan *qirāāt* Abū ‘Amr.<sup>8</sup>

Justeru kajian ini akan mengenal pasti dan menghuraikan pegangan setiap *qirāāt* dan riwayat terhadap mazhab *fawāṣil* dalam pengiraan ayat al-Quran, seterusnya meneliti dan menghimpunkan *ru`ūs al-āyi* yang mempunyai kaitan secara langsung dengan bab ilmu *qirāāt*. Setelah itu, kajian ini menganalisis bagaimana pegangan *qirāāt* dan riwayat terhadap mazhab *fawāṣil* memberi kesan terhadap bacaan dalam topik tersebut, disokong dengan perbandingan mushaf *qirāāt* yang telah dicetak.

## 2. Permasalahan Kajian

Ilmu *fawāṣil* berkait rapat dengan penentuan bilangan ayat dalam al-Quran berdasarkan riwayat para ulama, dan berperanan dalam menetapkan struktur *ru`ūs al-āyi* bagi setiap surah. Tujuh mazhab utama *fawāṣil* yang menjadi rujukan—seperti Madanī, Kūfī dan Makkī—menjadi asas pegangan bagi pelbagai *qirāāt* dan *riwāyāt* mutawatirah. Dalam konteks ini, mushaf al-Quran yang dicetak secara meluas perlu mengambil kira mazhab *fawāṣil* yang sepadan dengan *qirāāt* yang dibawa, agar tidak menimbulkan kekeliruan bacaan.

Namun begitu, dapatan daripada kajian Ahmad et al. mendapati bahawa sebahagian mushaf *qirāāt* yang dicetak di seluruh dunia tidak selaras dengan mazhab *fawāṣil* yang menjadi pegangan asal riwayat tertentu.<sup>9</sup> Perkara ini menimbulkan ketidakstesenian antara bacaan sebenar dengan struktur mushaf.

Isu utama yang timbul ialah apabila mushaf yang dicetak tidak selari dengan mazhab *fawāṣil* bagi sesuatu *qirāāt* atau *riwāyah*, ia boleh menyebabkan kekeliruan dan kesalahan dalam bacaan, khususnya dalam topik-topik yang berkait langsung dengan bilangan ayat, seperti isu *taqlīl* pada *ru`ūs al-āyi*.<sup>10</sup> Sebagai contoh, riwayat Warsh daripada Nāfi‘ dan *qirāāt* Abū ‘Amr al-Baṣrī mengalami kesan ketara apabila struktur mushaf tidak berpandukan mazhab asal yang dipegang oleh riwayat tersebut.

Implikasinya, bacaan yang sepatutnya dibaca berdasarkan riwayat mutawatirah berisiko untuk tidak menepati kaedah yang digariskan oleh para ulama. Situasi

<sup>8</sup> al-Safāqasī, ‘Alī al-Nurī, *Ghaith al-Naf fī al-Qira’āt al-Sab'*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 390.

<sup>9</sup> Ahmad, Abd Muhammin, Sabri Mohamad, dan Haziyah Hussin, “Qadiyyah fī Tibā‘ah al-Maṣāḥif al-Qur`āniyyah: al-Khilāf fī ‘Ilmi al-‘Adad wa Taṭbiqihu fī Tibā‘ah al-Maṣāḥif al-Qur`āniyyah fī al-‘Alam.” *International Journal of Islamic Thought* (2015): 104-115.

<sup>10</sup> al-Quḍāḥ, Ahmad Muhammad Muflīḥ, Shukrī, Aḥmad Khālid & Mansūr, Muḥammad Khālid, *Muqaddimāt fī Ilm al-Qira’āt*, (Amman: Dār ‘Ammār, 2009), 219.



ini lebih kritikal apabila pengajaran dan pembelajaran *qirā'āt* di institusi pengajian tinggi masih bergantung kepada mushaf cetakan riwāyat Ḥafs daripada ‘Āsim,<sup>11</sup> sama ada mushaf biasa atau yang mencatat khilaf *qirā'āt* 10 mutawatirah, yang pengiraannya berpaksikan mazhab Kūfī.

Oleh itu, kajian terhadap keselarasan antara mazhab *fawāṣil* dan percetakan mushaf *qirā'āt* amat penting bagi memastikan ketepatan bacaan, khususnya dalam konteks akademik dan pendidikan. Ini dapat membantu pelajar dan pengajar memahami konteks bacaan secara tuntas serta mengelakkan kekeliruan dalam mengaplikasikan bacaan *qirā'āt* mutawatirah sebagaimana yang diwarisi daripada para ulama.

### 3. Objektif

Kajian ini dijalankan untuk menghuraikan pegangan setiap *qirā'āt* dan riwayat terhadap mazhab *fawāṣil* dalam pengiraan ayat al-Quran. Seterusnya, kajian ini meneliti serta menghimpunkan *ru'ūs al-āyī* yang mempunyai kaitan langsung dengan bab ilmu *qirā'āt*. Setelah itu, analisis dilakukan bagi memahami bagaimana pegangan *qirā'āt* dan *riwāyat* terhadap mazhab *fawāṣil* memberi kesan terhadap bacaan dalam topik tersebut, disokong dengan perbandingan mushaf *qirā'āt* yang dicetak di beberapa negara umat Islam.

### 4. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan analisis kandungan sebagai kerangka utama metodologi. Menurut Krippendorff, analisis kandungan didefinisikan sebagai suatu pendekatan sistematis dalam menganalisis dokumen dan teks, yang bertujuan untuk mengenal pasti serta mengira frekuensi atau corak kandungan berdasarkan kategori tertentu yang telah ditetapkan terlebih dahulu.<sup>12</sup> Kaedah ini membolehkan penyelidik menilai makna, tema, atau mesej yang terkandung dalam teks melalui proses pengkategorian dan kuantifikasi secara objektif.

Dalam konteks kajian ini, kaedah analisis kandungan dipilih berdasarkan kesesuaianya untuk meneliti dan menganalisis kandungan nas-nas berkaitan

<sup>11</sup> Abd Latif, Mohd Abdul Nasir, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Muhammad Hasbi Abdul Rahman, Muhammad Nadzir Ibrahim, dan Muhammad Akramin Kamarul Zaman, “Implimentasi Talaqqi dan Mushafahah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Qira’at Warsh ‘an Nafi’.” *The Online Journal of Islamic Education* (2017): 28-38.

<sup>12</sup> Krippendorff, Klaus, *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology*, (California: SAGE Publications, 2013), 18.

mazhab *fawāṣil*, ayat-ayat yang diperselisihkan, serta kesannya terhadap bacaan *qirā’āt*, berdasarkan sumber primer seperti kitab *turāth* dan mushaf bercetak. Secara terperinci, kajian ini dijalankan melalui kaedah-kaedah berikut:

#### 4.1 Pengumpulan Data

Kaedah analisis dokumen digunakan bagi mengumpulkan data daripada rujukan utama dalam ilmu *qirā’āt* dan *fawāṣil* bagi mengenal pasti mazhab *fawāṣil* yang menjadi pegangan bagi setiap *qirā’āt* dan riwayat, serta mengenal pasti *ru’ūs al-āyi* yang mempunyai kesan langsung terhadap perbezaan bacaan *qirā’āt* disebabkan perbezaan mazhab *fawāṣil*. Antara kitab utama yang dijadikan sumber pengumpulan data ialah *al-Bayān fī ‘Addi Ayi al-Qur’ān* karangan al-Dāni, *Mursyid al-Khillān Ilā Ma’rifah ‘Ad Ayi al-Qur’ān* karangan ‘Abdul Rāziq ‘Alī, *al-Muyassar fī ‘Ilmi ‘Addi Ayi al-Qur’ān* karangan Ahmad Khālid Shukrī, *Muqaddimāt fī ‘Ilm al-Qira’āt* karangan al-Qudāh et al. dan beberapa rujukan daripada buku dan artikel jurnal yang lain.

#### 4.2 Analisis Data

Setiap *ru’ūs al-āyi* yang diperselisihkan mazhab *fawāṣil* dan dikenal pasti mempunyai kesan terhadap bacaan *qirā’āt* akan dianalisis bagi mengenal pasti perbezaan wajah *qirā’āt* yang berlaku berdasarkan *qirā’āt* dan riwayat yang berkaitan. Proses analisis ini dilakukan dengan merujuk kepada kitab-kitab utama bidang *qirā’āt* seperti *Fath al-Wasid fī Sharḥ al-Qasīd* karangan al-Sakhāwī, *Ghaith al-Naf fī al-Qira’āt al-Sab'* karangan al-Safāqasī, dan *al-Nashr fī al-Qira’āt al-‘Ashr* karangan Ibn al-Jazarī. Bagi mengukuhkan analisis yang dilakukan, analisis perbandingan terhadap beberapa mushaf *qirā’āt* yang dicetak berdasarkan riwayat dan *qirā’āt* yang berbeza dilakukan. Di samping itu juga, data yang telah dianalisis telah disemak dan diperakukan oleh dua orang pakar bidang *qirā’āt* daripada Universiti Sains Islam Malaysia.

### 5. Dapatan Kajian

Dapatan berkaitan pegangan setiap *qirā’āt* dan riwayat terhadap mazhab *fawāṣil* dalam pengiraan ayat al-Quran dan *ru’ūs al-āyi* yang mempunyai kaitan langsung dengan bab ilmu *qirā’āt* adalah sebagaimana berikut:

#### 5.1 Pegangan Qirā’āt Terhadap Mazhab *Fawāṣil* Dalam Pengiraan Ayat al-Quran



Sebahagian ulama' seperti Ibrāhīm dan al-Quḍāḥ et al. menyatakan bahawa dalam percetakan mushaf al-Quran bagi sesuatu *qirāāt* atau riwayat, pengiraan ayat al-Quran di dalam mushaf tersebut perlu selari dengan mazhab *fawāṣil* yang masyhur dalam sesuatu bandar yang disandarkan kepadanya sesuatu *qirāāt* atau riwayat.<sup>13</sup> Namun menurut Ahmad et al., pernyataan ini mengundang persoalan kerana di sebahagian bandar Islam terdapat dua mazhab *fawāṣil*, sebagaimana di Madinah terdapat dua mazhab yang dinisbahkan kepadanya iaitu *Madanī Awwal* dan *Madanī Akhīr*. Begitu juga dengan tanah Sham, terdapat dua mazhab *fawāṣil* yang dinisbahkan kepadanya iaitu *Dimašqī* dan juga *Himsī*.<sup>14</sup>

Ahmad et al. Menerusi kajian terhadap karya-karya ilmu *qirāāt* dan *fawāṣil*, serta pelbagai mushaf al-Quran yang dicetak dengan pelbagai riwayat bacaan, mendapati bahawa terdapat sebahagian *qirāāt* atau riwayat yang disepakati oleh para ulama dalam menentukan mazhab *fawāṣil* yang menjadikan pegangan dan sandaran pengiraan ayat al-Quran. Walau bagaimanapun terdapat juga sebahagian *qirāāt* atau riwayat yang diperselisihkan oleh mereka dalam menentukan mazhab *fawāṣil* tersebut.<sup>15</sup> Perincian berkaitan pegangan mazhab *fawāṣil* bagi setiap *qirāāt* dan riwayat dijelaskan di dalam Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Pegangan *Qirāāt/Riwayat* Terhadap Mazhab *Fawāṣil***

<i>Qirāāt/Riwayat</i>	<i>Mazhab Fawāṣil</i>	<i>Catatan Sumber</i>
<i>Qirāāt/riwayat Yang Tidak Disepakati Pegangan Fawāṣilnya</i>	<i>Nāfi‘</i>	Pendapat ini menjadi pegangan dalam percetakan mushaf riwayat Qālūn dan Warsh oleh Mujamma‘ al-Malik Fahd. <sup>16</sup>

<sup>13</sup> ‘Abdul Rāziq ‘Alī Ibrāhīm, *Mursyid al-Khillān Ilā Ma‘rifah ‘Ad Ayi al-Qur`ān*, 5. al-Quḍāḥ, Ahmad Muḥammad Muflīḥ. Shukrī, Ahmad Khālid & Mansūr, Muḥammad Khālid, *Muqaddimāt fī’ Ilm al-Qira’āt*, 219.

<sup>14</sup> Ahmad, Abd Muhamimin, Sabri Mohamad, dan Haziyah Hussin, “Qaḍiyyah fī Tibā’ah al-Maṣāḥif al-Qur`āniyyah: al-Khilāf fī ‘Ilmi al-‘Adad wa Taṭbiqihu fī Tibā’ah al-Maṣāḥif al-Qur`āniyyah fī al-‘Alam.” *International Journal of Islamic Thought* (2015): 104-115.

<sup>15</sup> *Ibid*, 104-115.

<sup>16</sup> al-Māliqī, ‘Abdul Wāhid Muhammad, *al-Dur al-Nathir wa al-Azb al-Namir Sharḥ Kitāb al-Taisīr*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 480. Ibn al-Jazarī, Muḥammad bin Muḥammad, *al-Nashr*

---

Menurut al-Safāqasi ia merupakan pendapat Al-Dānī dan al-Ja'barī. Pendapat ini menjadi pegangan dalam percetakan mushaf riwayat Qālūn oleh Jam'iyya al-Da'wa al-Islāmiyya al-'Alāmiyya di Libya.<sup>17</sup>

*Madanī  
Awwal*

Pendapat al-Māliqī, Ibn al-Jazarī, al-Dabbā', al-Qādī, Ibrāhīm.<sup>18</sup>

*Baṣrī*

Pendapat al-Dānī, al-Ja'barī dan al-Nuwairī. Pendapat ini menjadi pegangan dalam percetakan mushaf riwayat Dūrī al-Baṣrī oleh Mujamma' al-Malik Fahd kerana meraikan amalan umat Islam di Sudan yang mencetak mushaf ini menurut mazhab *Madanī Awwal*.<sup>19</sup>

Abū 'Amr

*Madanī  
Awwal*

---

fī al-Qira'at al-'Ashr, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2006), 2/61. al-Dhabbā', Muḥammad 'Alī al-Idhā'ah fī Bayān Usūl al-Qirā'ah, (Tanta: Dār al-Saḥābah li al-Turāth, 2002), 128-129. al-Qādī, 'Abdul Fattāḥ, al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qira'at al-'Ashr al-Mutawātirah, (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi, 1983), 203. al-Qur'ān al-Karīm wafqa Riwāyah Qalun 'an al-Imām Nafī, (Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tibā'ah al-Muṣṭafā al-Shārif, 1431H), al-Qur'ān al-Karīm wafqa Riwāyah Warsh 'an al-Imām Nafī, (Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tibā'ah al-Muṣṭafā al-Shārif, 1426H).

<sup>17</sup> al-Safāqasī, 'Alī al-Nurī. *Ghaith al-Naf fī al-Qira'at al-Sab'*, 390. *Muṣṭafā al-Jamāhirīyyah bi Riwayat al-Imām Qālūn*, (Tarablus: Jam'iyyah al-Dā'wah al-Islāmiyyah al-'Alāmiyyah, 1989).

<sup>18</sup> al-Māliqī. *al-Dur al-Nathir wa al-'Azb al-Namir Sharh Kitāb al-Taṣīr*, 480. Ibn al-Jazarī, *al-Nashr fī al-Qira'at al-'Ashr*, 2/61. al-Dhabbā', al-Idhā'ah fī Bayān Usūl al-Qirā'ah, 128-129. al-Qādī, al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qira'at al-'Ashr al-Mutawātirah, 203. 18. 'Abdul Rāziq 'Alī Ibrāhīm, *Mursyid al-Khillān Ilā Ma'rifah Ad Ayī al-Qur'ān*, 5.

<sup>19</sup> al-Dānī, *al-Bayān fī 'Addī Ayī al-Qur'ān*, 67. al-Safāqasī, *Ghaith al-Naf fī al-Qira'at al-Sab'*, 182. al-Nuwairī, Muḥammad bin Muḥammad, *Sharh Tayyibah al-Nashr fī al-Qira'at al-'Ashar*, (Beirut:



<i><b>Qirāāt/riwayat Yang Disepakati Pegangan Fawāṣilnya</b></i>	Ibn Kathīr	<i>Makkī</i>	Ibrāhīm. <sup>20</sup>
	Ibn ‘Amir	<i>Dīmašqī</i>	Ibrāhīm. <sup>21</sup>
	‘Asim	<i>Kūfī</i>	
	Hamzah	<i>Kūfī</i>	Ibrāhīm dan al-Quḍāh et al. <sup>22</sup>
	Kisā`ī	<i>Kūfī</i>	
	Abū Ja`far	<i>Madanī</i> <i>Awwal</i>	Ibrāhīm. <sup>23</sup>
	Ya`kūb	<i>Baṣrī</i>	Ibrāhīm. <sup>24</sup>
	Khalaf	<i>Kūfī</i>	Ibrāhīm dan al-Quḍāh et al. <sup>25</sup>

Berdasarkan Jadual 1 di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua *qirāāt* yang diperselisihkan oleh ulama dalam menentukan mazhab *fawāṣil* yang dipegang oleh *qirāāt* tersebut iaitu *qirāāt Nāfi'* yang berpegang kepada sama ada mazhab *Madanī Awwal* atau *Madanī Akhīr*, serta *qirāāt Abū ‘Amr* yang berpegang kepada mazhab *Madanī Awwal* atau *Baṣrī*.

Manakala bagi *qirāāt* yang lain, pegangan mazhab *fawāṣil* adalah mengikut kepada bandar yang sama dengan sesuatu *qirāāt* tersebut. Bagi *qirāāt* Ibn Kathīr, ia berpegang kepada mazhab *Makkī*, *qirāāt* Ibn `Amir berpegang kepada mazhab *Dīmašqī*, *qirāāt* Abū Ja`far berpegang kepada mazhab *Madanī Awwal*, dan *qirāāt* Ya`kūb berpegang kepada mazhab *Baṣrī*. Manakala *qirāāt* ‘Asim, Kisā`ī, Hamzah dan Khalaf masing-masing berpegang kepada mazhab *Kūfī*. Berdasarkan Jadual 1 juga, didapati bahawa mazhab *Himṣī* tidak menjadi pegangan kepada mana-mana *qirāāt* atau riwayat dalam pengiraan ayat al-Quran. Ini mengukuhkan pandangan al-Dānī (1994) dan al-Huzalī (2007) yang menyatakan mazhab tersebut adalah lemah dan kurang diriwayatkan oleh para ulama.

## 5.2 Topik *Qirāāt* dan *Fawāṣil* Yang Diperselisihkan dan Kesannya Terhadap Bacaan *Qirāāt*

Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah 2009), 1/577. *al-Qur`ān bi Riwāyat Dūri` an Abī ‘Amr al-Basrī*, (Madinah: Mujamma` al-Malik Fahd li Tibā`ah al-Mushaf al-Sharīf, 1436H).

<sup>20</sup> Abdul Rāziq ‘Alī Ibrāhīm, *Mursyid al-Khillān Ilā Ma`rifah ‘Ad Ayi al-Qur`ān*, 5.

<sup>21</sup> Ibid, 5.

<sup>22</sup> Abdul Rāziq ‘Alī Ibrāhīm, *Mursyid al-Khillān Ilā Ma`rifah ‘Ad Ayi al-Qur`ān*, 5. al-Quḍāh, Ahmad Muḥammad Muflīḥ. Shukrī, Aḥmad Khālid & Mansūr, Muḥammad Khālid, *Muqaddimāt fī Ilm al-Qira`āt*, 219.

<sup>23</sup> Abdul Rāziq ‘Alī Ibrāhīm, *Mursyid al-Khillān Ilā Ma`rifah ‘Ad Ayi al-Qur`ān*, 5.

<sup>24</sup> Ibid, 5.

<sup>25</sup> Abdul Rāziq ‘Alī Ibrāhīm, *Mursyid al-Khillān Ilā Ma`rifah ‘Ad Ayi al-Qur`ān*, 5. al-Quḍāh, Ahmad Muḥammad Muflīḥ. Shukrī, Aḥmad Khālid & Mansūr, Muḥammad Khālid. *Muqaddimāt fī Ilm al-Qira`āt*, 219.

Berdasarkan penelitian terhadap beberapa karya ilmu *qirāāt*, perbezaan di antara mazhab *fawāṣil* mempunyai kesan langsung terhadap sub-topik bacaan *imālah* dan *taqlīl* pada *ru`ūs al-āyi* bagi 11 surah iaitu; Tāhā, al-Najm, al-Mā`ārij, al-Qiyāmah, al-Nāzi`at, `Abasa, al-A`lā, al-Shams, al-Layl, al-Duhā dan al-`Alaq. Khilaf bacaan *imālah* dan *taqlīl* dalam sub-topik ini secara khusus melibatkan riwayat Warsh daripada Nāfi` dan *qirāāt* Abū `Amr. Di dalam bab ini, riwayat Warsh akan membawa *taqlīl* sahaja (*qaulan wāhidā*) pada *ru`ūs al-āyi* di dalam surah-surah ini sekiranya ia diakhiri dengan alif *maqsurah* atau *zawāt al-yā'*. Manakala *qirāāt* Abū `Amr juga akan membaca alif *maqsurah* atau *zawāt al-yā'* di akhir *ru`ūs al-āyi* di dalam surah-surah tersebut secara *taqlīl* tanpa mengira *wazan* (neraca) kalimah melainkan sekiranya ia merupakan *zawāt al-ra* kerana ia akan dibaca secara *imālah*.<sup>26</sup> Meskipun *qirāāt* Hamzah dan Kisā`ī mempunyai khilaf dalam bab ini, namun kedua-dua *qirāāt* ini tidak mempunyai khilaf bacaan secara khusus melibatkan bacaan *imālah* atau *taqlīl* pada *ru`ūs al-āyi* pada 11 surah tersebut kerana ia tetap dibaca secara *imālah* sebagaimana yang berlaku di pertengahan ayat.

Kepentingan untuk meraikan perbezaan mazhab *fawāṣil* dalam membaca khilaf *qirāāt* di dalam topik ini ditekankan oleh beberapa orang ulama *qirāāt* seperti Abū Shāmah (t.t.), al-Māliqī (2003), al-Safāqasī (1999) dan al-Qādī (1983).<sup>27</sup> Berdasarkan penelitian terhadap 11 surah tersebut serta *ru`ūs al-āyi* yang diperselisihkan oleh mazhab *fawāṣil*, perselisihan yang melibatkan alif *maqṣūrah* atau *zawāt al-yā'* adalah sebagaimana dijelaskan di dalam Jadual 2 berikut:

**Jadual 2: *Ru`ūs al-āyi* yang diperselisihkan oleh mazhab *fawāṣil* melibatkan alif *maqṣūrah***

Bil	Surah	Ayat	No Ayat (Berdasarkan Mazhab Kūfī)	Khilaf Mazhab
1.	Tāhā	وَلَقَدْ أَوْحَيْنَا إِلَيْ مُوسَى	77	Ayat di sisi <i>Dīmašqī</i> dan <i>Hīmṣī</i> & ia tidak dikira oleh <i>Madanī</i>

<sup>26</sup> al-Sakhawī, `Alī Muḥammad. *Fath al-Wasid fī Sharḥ al-Qasīd*. (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2005), 2/429-443. Lāshin, Sayyid, dan Khālid Muḥammad al-Hāfiẓ. *Taqrīb al-Mā`ānī*. (Madinah: Dār al-Zamān, 2021), 132-136.

<sup>27</sup> Abū Shāmah, `Abdul Raḥmān Ismā`īl. *Ibrāz al-Ma`ānī Sharḥ al-Shāṭibiyah*. (Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, t.t). 228. al-Māliqī. *al-Dur al-Nathir wa al-Azb al-Namir Sharḥ Kitāb al-Taisīr*, 477-480. al-Safāqasī, `Alī al-Nurī. *Ghaith al-Naf fī al-Qira`at al-Sabīl*. 390. al-Qādī. *al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qira`at al-Ashr al-Mutawātirah*. 202.

			Awwal, Madanī Akhīr, Makkī, Baṣrī dan Kūfī.	
			Ayat di sisi <i>Madanī Awwal</i> dan <i>Makkī</i> & ia tidak dikira oleh <i>Madanī</i> <i>Akhīr</i> , <i>Dimašqī</i> , <i>Baṣrī</i> , <i>Kūfī</i> dan <i>Himsī</i> .	
	فَأَخْرَجَهُمْ عِجَالًا جَسَدًا لَّهُ خُوازٌ فَقَالُوا هَذَا إِلَهُكُمْ وَإِلَّا مُوسَىٰ	88	Ayat di sisi <i>Madanī Awwal</i> , <i>Madanī Akhīr</i> , <i>Makkī</i> , <i>Baṣrī</i> dan <i>Dimašqī</i> & ia tidak dikira oleh <i>Kūfī</i> dan <i>Himsī</i> .	
	قَالَ أَهْبِطَا مِنْهَا حَمِيعًا بَعْضُكُمْ لِيَعْضِ عَدُوًّا فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُمْ مِّنْ يَ هُدُّى	123	Ayat di sisi <i>Madanī Awwal</i> , <i>Madanī Akhīr</i> , <i>Makkī</i> , <i>Baṣrī</i> dan <i>Dimašqī</i> & ia tidak dikira oleh <i>Kūfī</i> dan <i>Himsī</i> .	
2.	Al-Najm	وَلَا تُمَدَّنَ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا <sup>١</sup> بِهِ أَزْوَاجًا مِّنْهُمْ زَهْرَةَ الْحَيَاةِ الْدُّنْيَا	131	Ayat di sisi <i>Madanī Awwal</i> , <i>Madanī Akhīr</i> , <i>Makkī</i> , <i>Baṣrī</i> dan <i>Dimašqī</i> & ia tidak dikira oleh <i>Kūfī</i> dan <i>Himsī</i> .
	فَأَعْرِضْ عَنْ مَّنْ تَوَلَّ <sup>٢</sup>	29	Ayat di sisi <i>Dimašqī</i> dan <i>Himsī</i> & ia tidak dikira oleh <i>Madanī</i> <i>Awwal</i> , <i>Madanī</i> <i>Akhīr</i> , <i>Makkī</i> , <i>Baṣrī</i> dan <i>Kūfī</i> .	
	وَمَمْ يُرِدُ إِلَّا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا	29	Ayat di sisi <i>Madanī Awwal</i> , <i>Madanī Akhīr</i> , <i>Makkī</i> , <i>Baṣrī</i> dan <i>Kūfī</i> & ia tidak dikira oleh <i>Dimašqī</i> dan <i>Himsī</i> .	



---

3.	Al-Mā'ārij	Tiada khilaf berkaitan	-	-
4.	Al-Qiyāmah	Tiada khilaf berkaitan	-	-
5.	Al-Nāzī'āt	فَأَمَّا مَنْ طَعَى	37	Ayat di sisi <i>Baṣrī, Dimašqī, Kūfī</i> dan <i>Himṣī</i> & ia tidak dikira oleh <i>Madanī Awwal, Madanī Akhīr</i> dan <i>Makkī</i> .
6.	'Abasa	Tiada khilaf berkaitan	-	-
7.	Al-'Alaq	أَرْءَيْتَ الَّذِي يَنْهَا	9	Ayat di sisi <i>Madanī Awwal, Madanī Akhīr, Makkī, Baṣrī, Kūfī</i> dan <i>Himṣī</i> & ia tidak dikira oleh <i>Dimašqī</i> .
8.	al-A'lā	Tiada khilaf <i>fawāsil</i>	-	-
9.	Al-Shams	Tiada khilaf berkaitan	-	-
10.	al-Layl	Tiada khilaf <i>fawāsil</i>	-	-
11.	al-Duhā	Tiada khilaf berkaitan	-	-

---

### Kesan Terhadap Bacaan Riwayat Warsh Daripada *Qirāāt Nāfi'*

Berdasarkan Jadual 2, terdapat hanya lapan *fawāsil* daripada surah Tāhā, al-Najm, al-Nāzī'āt dan al-'Alaq yang mempunyai khilaf berkaitan *zawāt al-ya*. Khilaf pada lapan *ru'üs al-āyi* tersebut mempunyai kesan terhadap riwayat Warsh dalam bab *taqlīl* 11 surah ini. Ia dijelaskan sebagaimana di dalam Jadual 3 dengan sorotan perbandingan terhadap mazhab *Madanī Awwal* dan *Madanī Akhīr* yang seharusnya menjadi pegangan riwayat Warsh, serta mazhab *Kūfī* yang turut



menjadi pegangan bagi sebahagian mushaf riwayat Warsh dan mushaf riwayat Hafs.

**Jadual 3: Kesan khilaf *fawāṣil* terhadap riwayat Warsh berdasarkan mazhab *Madanī Awwal*, *Madanī Akhīr* dan *Kūfī***

Bil	Surah & No Ayat	Ayat	Khilaf Berdasarkan Mazhab <i>Madanī Awwal</i>	Khilaf Berdasarkan Mazhab <i>Madanī Akhīr</i>	Khilaf Berdasarkan Mazhab <i>Kūfī</i>
1.	Tāhā: 77	وَلَقَدْ أُوحِيَنَا إِلَيْ مُوسَىٰ	Kalimah (مُوسَىٰ) dibaca dengan <b>dua wajah</b> iaitu <i>taqlīl</i> dan <i>fatḥah</i> kerana ia tidak dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> , <i>Madanī Akhīr</i> dan <i>Kūfī</i> .	Kalimah (مُوسَىٰ)	Kalimah (مُوسَىٰ)
2.	Tāhā: 88	فَأَخْرَجَ لَهُمْ عِجَالًا جَسَدًا لَّهُ حُوازٌ فَقَالُوا هَذَا إِلَهُكُمْ وَإِلَهُ الْمُؤْسَىٰ	Kalimah (مُوسَىٰ) dibaca dengan <b>satu wajah</b> sahaja iaitu <i>taqlīl</i> kerana ia dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> .	Kalimah (مُوسَىٰ) dibaca dengan <b>dua wajah</b> iaitu <i>taqlīl</i> dan <i>fatḥah</i> kerana ia tidak dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Akhīr</i> .	Kalimah (مُوسَىٰ) dibaca dengan <b>dua wajah</b> iaitu <i>taqlīl</i> dan <i>fatḥah</i> kerana ia tidak dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Kūfī</i> .
3.	Tāhā: 123	قَالَ أَهْبِطَا مِنْهَا جَمِيعاً بَعْضُكُمْ لِيَعْضُ عَذْوَ فَإِمَّا يَأْتِينَكُمْ مِنْتَيْ هُدًى	Kalimah (فَدَىٰ) dibaca dengan <b>satu wajah</b> sahaja iaitu <i>taqlīl</i> kerana ia dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> dan <i>Madanī Akhīr</i> .	Kalimah (فَدَىٰ)	Kalimah (فَدَىٰ) dibaca dengan <b>dua wajah</b> iaitu <i>taqlīl</i> dan <i>fatḥah</i> kerana ia tidak dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Kūfī</i> .
4.	Tāhā: 131	وَلَا تَمْدَنْ عَيْنِيَكَ إِلَيْ مَا	Kalimah (أَلْدُنْيَا) dibaca dengan <b>satu wajah</b> sahaja iaitu <i>taqlīl</i> kerana ia dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> .	Kalimah (أَلْدُنْيَا)	Kalimah (أَلْدُنْيَا) dibaca dengan <b>dua wajah</b>



		مَتَّعْنَا بِهِ	āya oleh <i>Madanī Awwal</i> dan <i>Madanī Akhīr</i> .	iaitu <i>taqlīl</i> dan <i>fathah</i> kerana ia tidak dikira sebagai <i>ra's al-</i> <i>āya</i> oleh <i>Kūfi</i> .
		أَزْوَجًا مِنْهُمْ		
		زَهْرَةً أَحْيَوْهُ		
		الْدُّنْيَا		
5.	Al- Najm: 29	فَأَعْرِضْ عَنْ مَنْ تَوَلَّ	Kalimah (توّل) dibaca dengan <b>dua wajah</b> iaitu <i>taqlīl</i> dan <i>fathah</i> kerana ia tidak dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> , <i>Madanī Akhīr</i> dan <i>Kūfi</i> .	
6.	Al- Najm: 29	عَنْ ذِكْرِنَا وَمَنْ يُرِدُ إِلَّا أَحْيَوْهُ الْدُّنْيَا	Kalimah (الْدُّنْيَا) dibaca dengan <b>satu wajah</b> sahaja iaitu <i>taqlīl</i> kerana ia dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> , <i>Madanī Akhīr</i> dan <i>Kūfi</i> .	
7.	Al- Nāzi'at: 37	فَأَمَّا مَنْ طَغَى	Kalimah (طَغَى) dibaca dengan <b>dua wajah</b> iaitu <i>taqlīl</i> dan <i>fathah</i> kerana ia tidak dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> dan <i>Madanī Akhīr</i> .	Kalimah (طَغَى) dibaca dengan <b>satu wajah</b> sahaja iaitu <i>taqlīl</i> kerana ia dikira sebagai <i>ra's al-</i> <i>āya</i> oleh <i>Kūfi</i> .
8.	Al-'Alaq: 9	أَرْءَيْتَ الْذِي يَنْهَا	Kalimah (يَنْهَا) dibaca dengan <b>satu wajah</b> sahaja iaitu <i>taqlīl</i> kerana ia dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> , <i>Madanī Akhīr</i> dan <i>Kūfi</i> .	

Berdasarkan Jadual 3 di atas, terdapat tujuh *fawāṣil* yang disepakati bacaannya oleh riwayat Warsh berdasarkan pegangan terhadap mazhab *Madanī Awwal* atau *Madanī Akhīr* yang menjadi sandaran riwayat Warsh dalam pengiraan ayat al-Quran. Namun terdapat satu *fawāṣil* yang diperselisihkan oleh kedua mazhab tersebut dan ia memberi kesan terhadap bacaan riwayat Warsh dalam bab *taqlīl* ini iaitu pada kalimah (مُوسَى) yang terdapat di dalam Surah Tāhā: 88. Ini kerana ia dibaca dengan satu wajah sahaja iaitu *taqlīl* kerana ia dikira sebagai *ra's al-āya* oleh *Madanī Awwal*. Manakala sekiranya pengiraan ayat al-Quran di dalam riwayat Warsh berpegang pada mazhab *Madanī Akhīr*; maka kalimah tersebut dibaca dengan dua wajah iaitu *taqlīl* dan *fathah* kerana ia tidak dikira sebagai *ra's al-āya* oleh mazhab tersebut. Kesan dan implikasi pada Surah Tāhā: 88 terhadap bacaan riwayat Warsh yang disebabkan oleh perbezaan antara mazhab *Madanī Awwal* dan *Madanī Akhīr* ini hakikatnya masih berlegar di dalam kerangka khilaf yang muktabar dalam kalangan ulama dalam penentuan mazhab *fawāṣil* bagi riwayat Warsh.



## Kesan Terhadap Bacaan *Qirāāt Abū ‘Amr*

Manakala *qirāāt Abū ‘Amr* pula akan membaca alif *maqṣūrah* atau *zawāt al-ya’* di akhir *ru’us al-āyi* di dalam 11 surah tersebut secara *taqlīl* tanpa mengira *wazan* (neraca) *fa’lā*, *fīlā* atau *fūlā*, melainkan sekiranya ia merupakan *zawāt al-ra* kerana ia akan dibaca secara *imālah*.<sup>28</sup> Justeru, berdasarkan perbezaan pegangan mazhab *fawāṣil* yang menjadi sandaran pengiraan ayat al-Quran bagi *qirāāt Abū ‘Amr*, maka kesan *fawāṣil* bagi *qirāāt* tersebut adalah sebagaimana yang dijelaskan di dalam Jadual 4 berikut:

**Jadual 4: Kesan khilaf *fawāṣil* terhadap *qirāāt Abū ‘Amr* berdasarkan mazhab *Madanī Awwal* dan *Baṣrī***

Bil	Surah & No Ayat	Ayat	Khilaf Mazhab <i>Awwal</i>	Berdasarkan <i>Madanī Awwal</i>	Khilaf Berdasarkan mazhab <i>Baṣrī</i>
1.	Tāhā: 77	وَلَقَدْ أَوْحَيْنَا إِلَيْ مُوسَىٰ		Kalimah (مُوسَىٰ) dibaca dengan <i>taqlīl</i> kerana ia di atas <i>wazan fūlā</i> dan tidak dikira sebagai <i>ra’s al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> dan <i>Baṣrī</i> .	
2.	Tāhā: 88	فَأَخْرَجَهُمْ عِجْلًا حَسَدًا لَّهُ حَوَارٌ فَقَالُوا هَذَا إِلَهُكُمْ وَإِلَهُ مُوسَىٰ	فَأَخْرَجَهُمْ عِجْلًا حَسَدًا لَّهُ حَوَارٌ فَقَالُوا هَذَا إِلَهُكُمْ وَإِلَهُ مُوسَىٰ	Kalimah (مُوسَىٰ) dibaca dengan <i>taqlīl</i> kerana ia di atas <i>wazan fūlā</i> dan ia dikira sebagai <i>ra’s al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> .	Kalimah (مُوسَىٰ) dibaca dengan <i>taqlīl</i> kerana ia di atas <i>wazan fūlā</i> dan ia tidak dikira sebagai <i>ra’s al-āya</i> oleh <i>Baṣrī</i> .
3.	Tāhā: 123	قَالَ أَهْبِطَا مِنْهَا حَمِيمًا بَعْضُكُمْ لِيَعْضِ عَدُوًّا إِنَّمَا يَأْتِيُكُمْ مَنِي هُدًى	قَالَ أَهْبِطَا مِنْهَا حَمِيمًا بَعْضُكُمْ لِيَعْضِ عَدُوًّا إِنَّمَا يَأْتِيُكُمْ مَنِي هُدًى		Kalimah (مُهَمَّى) dibaca dengan <i>taqlīl</i> kerana ia dikira sebagai <i>ra’s al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> dan <i>Baṣrī</i> meskipun ia bukan di atas <i>wazan fa’lā</i> , <i>fīlā</i> atau <i>fūlā</i> .

<sup>28</sup> al-Qādī, Abdul Fattāḥ ‘Abdul Ghānī. *al-Wāfi fi Sharḥ al-Syātibiyah*. (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2020), 148-150. Lāshin, Sayyid, dan Khālid Muḥammad al-Hāfiẓ. *Taqrīb al-Mā’ānī*. 136.

		وَلَا تَمْدَنَ عَيْنِيَكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِنْهُمْ رَهْرَةً أُلْحِيَّةً الْدُّنْيَا	Kalimah (الدُّنْيَا) dibaca dengan <b><i>taqlil</i></b> kerana ia di atas <i>wazan fu'lā</i> dan ia dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> dan <i>Baṣrī</i> .
4.	Tāhā: 131	فَأَعْرِضْ عَنْ مَنْ تَوَلَّ	Kalimah (تَوَلَّ) dibaca dengan <b><i>fathah</i></b> kerana ia tidak dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> dan <i>Baṣrī</i> , serta ia bukan di atas <i>wazan fa'lā</i> , <i>fi'lā</i> atau <i>fu'lā</i> .
5.	Al- Najm: 29	عَنْ دِكْرِنَا وَمَمْ يُرِدُ إِلَّا الْحَيَاةُ الْدُّنْيَا	Kalimah (الدُّنْيَا) dibaca dengan <b><i>taqlil</i></b> kerana ia di atas <i>wazan fu'lā</i> dan ia tidak dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> dan <i>Baṣrī</i> .
6.	Al- Najm: 29	فَأَمَّا مَنْ طَغَىٰ	Kalimah (طَغَىٰ) dibaca dengan <b><i>taqlil</i></b> kerana ia tidak dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> dan <i>Baṣrī</i> , meskipun ia bukan di atas <i>wazan fa'lā</i> , <i>fi'lā</i> atau <i>fu'lā</i> .
7.	Al- Nāzi'āt: 37	أَرْغَيْتَ الَّذِي يَنْهَا	Kalimah (يَنْهَا) dibaca dengan <b><i>taqlil</i></b> kerana ia dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> dan <i>Baṣrī</i> , meskipun ia bukan di atas <i>wazan fa'lā</i> , <i>fi'lā</i> atau <i>fu'lā</i> .
8.	Al-'Alaq: 9		Kalimah (يَنْهَا) dibaca dengan <b><i>taqlil</i></b> kerana ia dikira sebagai <i>ra's al-āya</i> oleh <i>Madanī Awwal</i> dan <i>Baṣrī</i> , meskipun ia bukan di atas <i>wazan fa'lā</i> , <i>fi'lā</i> atau <i>fu'lā</i> .

Berdasarkan Jadual 4 di atas, meskipun terdapat perbezaan dalam pengiraan sebahagian ayat di antara mazhab *Madanī Awwal* dan mazhab *Baṣrī* yang menjadi sandaran *qirāāt* Abū 'Amr dalam pengiraan ayat al-Quran, tujuh daripada lapan *fawāṣil* di dalam jadual tersebut disepakati bacaannya. Namun terdapat satu *fawāṣil* yang diperselisihkan oleh kedua mazhab tersebut dan ia memberi kesan terhadap bacaan *qirāāt* Abū 'Amr dalam bab *taqlil* iaitu pada kalimah (طَغَىٰ) yang terdapat di dalam Surah al-Nāzi'āt: 37. Ini kerana ia dibaca dengan ***fathah*** disebabkan ia tidak dikira sebagai *ra's al-āya* oleh *Madanī Awwal* dan ia bukan di atas *wazan fa'lā*, *fi'lā* atau *fu'lā*. Manakala sekiranya pengiraan ayat al-Quran di dalam *qirāāt* Abū 'Amr berpegang pada mazhab *Baṣrī*, maka kalimah tersebut dibaca dengan ***taqlil*** kerana ia dikira sebagai *ra's al-āya* oleh mazhab ini, meskipun ia bukan di atas *wazan fa'lā*, *fi'lā* atau *fu'lā*. Meskipun terdapat perbezaan penentuan ayat di antara *Madanī Awwal* dan *Baṣrī* pada kalimah (مُوسَىٰ) yang terdapat pada Tāhā: 88, namun tiada implikasi bacaan padanya bagi *qirāāt*



Abū ‘Amr disebabkan ia di atas wazan *fūlā* yang menyebabkan ia perlu dibaca dengan *taqlīl* pada kedua-dua mazhab.

### 5.3 Perbandingan Mushaf Yang Dicetak Berkaitan Kesan Perbezaan *Fawāsil* Terhadap Bacaan

Berdasarkan penelitian dan perbandingan beberapa mushaf utama riwayat Warsh yang telah dijalankan oleh Ahmad et al.,<sup>29</sup> terdapat beberapa mushaf riwayat ini yang berpegang kepada mazhab *Kūfī* dalam pengiraan ayat. Antara mushaf tersebut ialah Mushaf Riwayat Warsh yang diterbitkan oleh Dar Ma’rifah, Damshiq yang diterbitkan pada tahun 1430H, Mushaf Riwayat Warsh yang diterbitkan oleh Mu’assasah al-Tibā’ah al-Sha’biyah li al-Jaysh, Algeria, dan Mushaf Riwayat Warsh yang diterbitkan oleh Muassasah al-Waṭaniyyah li al-Funun al-Maṭba’iyah, Algeria yang diterbitkan pada tahun 2013.<sup>30</sup> Di dalam isu ini, kesan perbezaan bacaan pada *ru’ūs al-āyi* bagi riwayat Warsh adalah lebih banyak jika dibandingkan di antara mushaf yang berpegang kepada mazhab *Madanī Awwal* atau *Madanī Akhīr*.

Berdasarkan Jadual 3 di atas, jika dibuat perbandingan di antara mushaf riwayat Warsh yang berpegang kepada mazhab *Madanī Awwal* dan mushaf riwayat yang sama tetapi dicetak dengan berpegang kepada mazhab *Kūfī*, didapati kesan perbezaan bacaan dalam topik ini berlaku dalam empat ayat iaitu Tāhā: 88, Tāhā: 123, Tāhā: 131 dan al-Nāzi‘āt: 37. Manakala jika dibuat perbandingan di antara mushaf riwayat Warsh yang berpegang kepada mazhab *Madanī Akhīr* dan mushaf riwayat yang sama tetapi dicetak dengan berpegang kepada mazhab *Kūfī*, didapati kesan perbezaan bacaan dalam topik ini berlaku dalam tiga ayat iaitu Tāhā: 123, Tāhā: 131 dan al-Nāzi‘āt: 37. Contoh perbezaan ini dijelaskan secara lebih spesifik menerusi perbandingan beberapa mushaf riwayat Warsh sebagaimana Jadual 5, Jadual 6 dan Jadual 7 berikut:

Jadual 5: Perbandingan mushaf riwayat Warsh bagi Surah Tāhā: 123

<sup>29</sup> Ahmad, Abd Muhammin, Sabri Mohamad, dan Haziyah Hussin. “Qadiyyah fī Tibā’ah al-Maṣāḥif al-Qur`āniyyah: al-Khilāf fī ‘Ilmi al-‘Adad wa Tatbiqihu fī Tibā’ah al-Maṣāḥif al-Qur`āniyyah fī al-‘Ālam.” *International Journal of Islamic Thought* (2015): 104-115.

<sup>30</sup> Al-Qur'an al-Karim Riwayah Warsh ‘an Nafi’. (Dimashq: Dar al-Ma’rifah, 1430H). Al-Qur'an al-Karim Riwayah Warsh ‘an Nafi’. (al-Jazair: Muassasah al-Tibā’ah al-Sha’biyah li al-Jaysh, t.t.). Al-Qur'an al-Karim Riwayah Warsh ‘an Nafi’. 2013. Al-Jazair : Muassasah al-Wataniyyah li al-Funun al-Matba’iyah.

Mushaf	Ayat al-Quran
Mushaf Warsh cetakan Muassasah al-Tibā'ah al-Sha'bīyah li al-Jaysh (t.t.) - (Mazhab <i>Kūfī</i> )	يَا تَنْهَّكُمْ مِنْ هُدَىٰ فَمَنِ اتَّبَعَ هُدًىٰ فَلَا يَضُلُّ وَلَا يَشْقَىٰ ﴿١٣﴾
Mushaf Warsh cetakan Mujamma' al-Malik Fahd (1426H) - (Mazhab <i>Madani Akhīr</i> )	بِإِمَامَيَا تَتَنَّعَّثُ مِنْ هُدَىٰ ﴿١٣﴾

Jadual 6: Perbandingan mushaf riwayat Warsh bagi Surah Tāhā: 131

Mushaf	Ayat al-Quran
Mushaf Warsh cetakan Muassasah al-Tibā'ah al-Sha'bīyah li al-Jaysh (t.t.) - (Mazhab <i>Kūfī</i> )	وَلَا تَمْدَنَ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِنْهُمْ زَهْرَةَ الْحَيَاةِ الَّذِينَ لَنْفَتَهُمْ فِيهِ وَرِزْقٌ رِّيكَ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ﴿١٣﴾
Mushaf Warsh cetakan Mujamma' al-Malik Fahd (1426H) - (Mazhab <i>Madani</i> <i>Akhīr</i> )	وَلَا تَمْدَنَ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِنْهُمْ زَهْرَةَ الْحَيَاةِ لِلَّذِينَ لَنْفَتَهُمْ فِيهِ وَرِزْقٌ رِّيكَ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ﴿١٣﴾

Jadual 7: Perbandingan mushaf riwayat Warsh bagi Surah al-Nāzi'āt: 37



Mushaf	Ayat al-Quran
Mushaf Warsh cetakan Muassasah al-Tibā'ah al-Sha'bīyah li al-Jaysh (t.t.) - (Mazhab <i>Kūfī</i> )	فَإِنْ طَغَىٰ وَعَاثَرَ الْحَيَاةَ الْدُّنْيَا ﴿٣٧﴾
Mushaf Warsh cetakan Mujamma' al-Malik Fahd (1426H) - (Mazhab <i>Madanī Akhīr</i> )	فَإِمَامَ طَغَىٰ وَعَاثَرَ الْحَيَاةَ الْدُّنْيَا ﴿٣٨﴾

Manakala bagi mushaf al-Quran yang dicetak bagi *qirāāt* Abū ‘Amru, walaupun terdapat perbezaan ulama dalam menentukan mazhab *fawāṣil* yang menjadi pegangan *qirāāt* tersebut, namun berdasarkan pencarian penulis yang terhad, hanya menemui dua cetakan mushaf berkaitan *qirāāt* ini iaitu; mushaf al-Quran riwayat Dūrī al-*Baṣrī* cetakan Mujamma' al-Malik Fahd yang diterbitkan pada tahun 1436H dan mushaf al-Quran riwayat Dūrī al-*Baṣrī* cetakan Dar al-Ma'rifah yang diterbitkan pada tahun 2003.<sup>31</sup> Kedua-dua cetakan mushaf ini berpegang kepada mazhab *Madanī Awwal* dalam pengiraan ayat al-Quran. Oleh itu, tiada perbandingan mushaf dapat dipaparkan bagi menjelaskan kesan perbezaan pengiraan ayat al-Nāzī‘āt: 37 bagi *qirāāt* Abū ‘Amru yang telah dijelaskan sebelum ini.

#### 5.4 Perbincangan

Kesan perbezaan *fawāṣil*/terhadap bacaan *qirāāt* ini walaupun dilihat kecil kerana melibatkan hanya beberapa *ru’ūs al-āyi* sahaja, namun ia tidak boleh dipandang ringan kerana ia melibatkan bacaan *qirāāt* yang *mutawatirah*. Justeru kepentingan isu ini telah ditekankan oleh beberapa ulama semenjak dahulu lagi, antara mereka iaitu Abū Shāmah, al-Māliqī, al-Safāqasī, al-Qādī dan juga al-Quḍāh et al.<sup>32</sup> Kesan isu ini bukan sahaja perlu diberi perhatian daripada sudut pembacaan al-Quran dengan *qirāāt* dan riwayat tertentu, bahkan lebih penting lagi melibatkan isu percetakan al-Quran kerana sewajarnya ia dicetak

<sup>31</sup> *Al-Qur`ān bi Riwayat Dūrī`an Abī`Amr al-Baṣrī*. (Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tibā'ah al-Mushaf al-Sharīf, 1436H). *Al-Qur`ān al-Karīm Riwayat al-Dūrī`an Abī`Amr*. (Damsyiq: Dar al-Ma'rifah, 2003).

<sup>32</sup> Abū Shāmah, ‘Abdul Raḥmān Ismā‘īl. *Ibrāz al-Ma‘ānī Sharḥ al-Shāti‘iyah*, 228. al-Māliqī, ‘Abdul Wāhid Muhammad. *al-Dur al-Nathir wa al-Azb al-Namir Sharḥ Kitāb al-Taisīr*. 477-480. al-Safāqasī, ‘Alī al-Nurī. *Ghaith al-Naf fī al-Qirāāt al-Sab'*. 389. al-Qādī, ‘Abdul Fattāh. *al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qirāāt al-Ashr al-Mutawatirah*. 203. al-Quḍāh, Ahmad Muḥammad Muflīh. Shukrī, Ḥamad Khālid & Mansūr, Muḥammad Khālid. *Muqaddimāt fī Ilm al-Qirāāt*. 219.

berpandukan mazhab yang dipegang oleh setiap *qirāāt* dan riwayat sebagaimana mana yang telah dinyatakan oleh Shukrī dan Ahmad et al...<sup>33</sup>

Berdasarkan kajian ini, perbezaan *fawāṣil* di kalangan ulama memberi kesan kepada bacaan *qirāāt* khususnya di dalam topik *taqlīl* alif *maqṣūrah* atau *zawāt al-ya'* bagi riwayat Warsh dan *qirāāt* Abū 'Amr di akhir *ru`ūs al-āyī* di dalam 11 surah, iaitu Tāhā, al-Najm, al-Mā'ārij, al-Qiyāmah, al-Nāzi'āt, 'Abasa, al-A'la, al-Shams, al-Layl, al-Duhā dan al-'Alaq. Kajian ini mendapati bahawa terdapat lapan *ru`ūs al-āyī* yang diakhiri dengan alif *maqṣūrah* atau *zawāt al-ya'* seterusnya menerima kesan langsung terhadap perbezaan *fawāṣil* tersebut sebagaimana yang telah disenaraikan di dalam Jadual 2 sebelum ini iaitu: Tāhā: 77, Tāhā: 88, Tāhā: 123, Tāhā: 131, al-Najm: 29, al-Nāzi'āt: 37 dan al-'Alaq: 9.

Bagi riwayat Warsh, terdapat satu *ru`ūs al-āyī* yang berbeza di antara mazhab *Madanī Awwal* dan *Madanī Akhīr* yang menjadi khilaf pegangan pengiraan ayat bagi riwayat tersebut iaitu Tāhā: 88. Perbezaan *Madanī Awwal* dan mazhab *Kūfī* di dalam topik ini pula berlaku dalam empat ayat iaitu Tāhā: 88, Tāhā: 123, Tāhā: 131 dan al-Nāzi'āt: 37. Manakala perbezaan mazhab *Madanī Akhīr* dan mazhab *Kūfī* berlaku dalam tiga ayat iaitu Tāhā: 123, Tāhā: 131 dan al-Nāzi'āt: 37. Bagi *qirāāt* Abū 'Amr, perbezaan di antara mazhab *Madanī Awwal* atau *Baṣrī* memberi kesan bacaan dalam satu ayat sahaja iaitu al-Nāzi'āt: 37.

Kajian ini melihat bahawa isu ini juga wajar diberi perhatian khususnya kepada guru dan pelajar yang mempelajari bacaan *qirāāt* dan sering menggunakan mushaf al-Quran yang dicetak menurut riwayat Hafs daripada 'Asim, sama ada ia adalah mushaf umum yang biasa digunakan atau mushaf khusus yang tercatat dibirainya khilaf bagi *qirāāt* 10 *mutawatirah*. Di samping itu, kajian ini mencadangkan agar mushaf al-Quran yang dicetak menurut riwayat Hafs daripada 'Asim, yang tercatat dibirainya khilaf bagi *qirāāt* 10 *mutawatirah* agar diberikan catatan khusus pada *ru`ūs al-āyī* yang diperselisihkan dan mempunyai kesan terhadap bacaan *qirāāt* bagi mengelakkan berlakunya kesilapan bacaan pada tempat-tempat tersebut. Ini kerana pengiraan ayat al-Quran di dalam kedua mushaf tersebut adalah bersandarkan kepada mazhab *Kūfī*, dan implikasinya pelajar akan membaca khilaf dalam topik *taqlīl* bagi 11 surah yang dibincangkan sebelum ini bagi riwayat Warsh dan *qirāāt* Abū 'Amr berdasarkan mazhab *Kūfī* yang menjadi pegangan dalam pengiraan ayat kedua mushaf tersebut. Cadangan ini adalah selari dengan dapatan yang dikemukakan

<sup>33</sup> Shukrī, Ahmad Khālid. *al-Muyassar fī Ilmī Addi Ayī al-Qur`ān*. 23. Ahmad, Abd Muhaimin, Sabri Mohamad, dan Haziyah Hussin. "Qādiyyah fī Tibā'ah al-Maṣāḥif al-Qur`āniyyah: al-Khilāf fī 'Ilmi al-'Adād wa Taṭbiqihu fī Tibā'ah al-Maṣāḥif al-Qur`āniyyah fī al-'Alam." *International Journal of Islamic Thought* (2015):. 104-115.

oleh Daud & Ibrahim (2019) yang mencadangkan agar sumber-sumber rujukan bidang *qirāāt* ditambahbaik dan dipertingkatkan.<sup>34</sup>

## 6. Kesimpulan

Perbezaan dalam penentuan ayat antara mazhab *fawāṣil* ini tidak hanya mempengaruhi bilangan ayat al-Quran, tetapi turut mempengaruhi percetakan mushaf al-Quran dengan pelbagai riwayat dan *qirāāt* yang *mutawatirah* khususnya dalam pengiraan ayat yang menjadi pegangan mushaf-mushaf tersebut. Di samping itu, perbezaan dalam penentuan ayat ini turut mempengaruhi secara langsung sebahagian bacaan riwayat dan *qirāāt* dalam topik *taqlīl alif maqsūrah* atau *zawāt al-ya'* bagi riwayat Warsh dan *qirāāt* Abū 'Amr di akhir *ru'ūs al-āyi* di dalam 11 surah, iaitu Tāhā, al-Najm, al-Mā'ārij, al-Qiyāmah, al-Nāzi'āt, 'Abasa, al-A'la, al-Shams, al-Layl, al-Duhā dan al-'Alaq. Hasil kajian ini membuktikan kepentingan untuk mencetak mushaf al-Quran bagi *qirāāt* dan riwayat tertentu serta membacanya dengan berpandukan mazhab *fawāṣil* yang dipegang dalam pengiraan ayat al-Quran sebagaimana yang telah dibahaskan oleh para ulama. Kajian ini juga membuktikan bahawa isu ini juga wajar diberi perhatian khususnya kepada oleh guru dan pelajar yang mempelajari bacaan *qirāāt* dengan menggunakan mushaf al-Quran yang dicetak menurut riwayat Hafs daripada 'Asim, kerana pengiraan ayat al-Quran di dalam mushaf tersebut adalah bersandarkan kepada mazhab *Kūfī* dan mempunyai implikasi terhadap bacaan *qirāāt* di dalam topik yang telah dinyatakan.

## Rujukan

- [1] Al-Quran al-Karim.
- [2] *Al-Qur'ān al-Karim Riwāyat al-Duri 'an Abi 'Amr*. Damsyiq: Dar al-Ma'rifah, 2003.
- [3] *Al-Qur'ān bi Riwāyat al-Dūri 'an Abi 'Amr al-Basri*. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tibā'ah al-Mushaf al-Sharīf, 1436H.
- [4] *al-Qur'ān al-Karim Riwāyat Khalaf an Hamzah*. Damsyiq: Dār al-Ma'rifah, 2007.
- [5] *al-Qur'ān al-Karim wafqa Riwāyah Qalun 'an al-Imām Nafī*. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tibā'ah al-Mushaf al-Sharīf, 1431H.
- [6] *Al-Qur'ān al-Karim Riwayah Warsh 'an Nafī'*. Dimashq : Dar al-Ma'rifah, 1430H.
- [7] *Al-Qur'ān al-Karim Riwayah Warsh 'an Nafī'*. al-Jazair: Muassasah al-Tibā'ah al-Sha'bīyyah li al-Jaysh, t.t.

<sup>34</sup> Daud, Z., & Ibrahim, M. Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat di USIM. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* (2019): 46-53.

- [8] *Al-Qur'an al-Karim Riwayah Warsh 'an Nafi'*. Al-Jazair : Muassasah al-Wataniyyah li al-Funun al-Matba'iyyah, 2013.
- [9] *al-Qur'ān al-Karīm Riwāyah Warsh 'an Nafī'*. Al-Jazāir: Muassasah al-Wataniyyah li al-Funūn al-Maṭba'iyyah, 2013.
- [10] *al-Qur'ān al-Karīm Riwāyah Warsh 'an Nafī'*. al-Jazāir: Muassasah al-Tiba'ah al-Sha'bīyyah li al-Jaysh, t.t.
- [11] *al-Qur'ān al-Karīm wafqa Riwāyah Warsh 'an al-Imām Nafī'*. Madinah: Mujamma' al-Malik Fahd li Tibā'ah al-Mushaf al-Sharīf, 1426H.
- [12] Abd Latif, Mohd Abdul Nasir, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Muhammad Hasbi Abdul Rahman, Muhammad Nadzir Ibrahim, dan Muhammad Akramin Kamarul Zaman. "Implimentasi Talaqqi dan Mushafahah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Qira'at Warsh 'an Nafi'." *The Online Journal of Islamic Education* (2017): 28-38. <https://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/5237>
- [13] Abū Shāmah, 'Abdul Raḥmān Ismā'īl. *Ibrāz al-Ma'ānī Sharh al-Shātibīyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- [14] Ahmad, Abd Muhaimin. "Perbezaan di Antara Mushaf-mushaf al-Quran: Sorotan Terhadap Aspek Ilmu Dhabit al-Quran." *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah* (2021): 45-57. <https://doi.org/10.33102/jmqv17i2.315>
- [15] Ahmad, Abd Muhaimin, Sabri Mohamad, dan Haziyah Hussin. "Qaḍīyyah fī Tibā'ah al-Maṣāḥif al-Qur`āniyyah: al-Khilāf fī 'Ilmi al-'Adad wa Taṭbiqihu fī Tibā'ah al-Maṣāḥif al-Qur`āniyyah fī al-'Alam." *International Journal of Islamic Thought* (2015): 104-115. [https://www.ukm.my/ijit/wp-content/uploads/2016/01/IJIT-Vol-8-Dec-2015\\_10\\_104-115.pdf](https://www.ukm.my/ijit/wp-content/uploads/2016/01/IJIT-Vol-8-Dec-2015_10_104-115.pdf)
- [16] al-Dānī, 'Uthmān Sa'īd. *al-Bayān fī 'Addī Ayī al-Qur'ān*. Kuwait: Markaz al-Makhtūtāt wa al-Turāth wa al-Wathā'iq, 1994.
- [17] Daud, Z., & Ibrahim, M. Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat di USIM. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* (2019): 46-53. <https://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/view/53>
- [18] al-Dhabbā', Muḥammad 'Alī. *al-Idhā'ah fī Bayān Usūl al-Qirā'ah*. Tanta: Dār al-Sahābah li al-Turāth, 2002.
- [19] al-Dimyāṭī, Aḥmad bin Muḥammad. *Itḥāf Fuḍalā' al-Bashar fī al-Qirā'at al-Arba'ah 'Ashar*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2006.
- [20] Al-Haddād, Muḥammad bin 'Alī. *Sā'ādah al-Dārain fī Bayān wa 'Addī Ayī Mu'jiz al-Thaqalain*. Mesir: Maṭba'ah al-Ma'āhid, 1924.
- [21] al-Huzalī, Yūsuf bin 'Alī. *Al-Kāmil fī al-Qirā'at al-'Ashar wa al-Arba'īn al-Zā'idah 'Alaihā*. Kaherah: Muassasah Samā, 2007.
- [22] al-Ja'bārī, Ibrāhīm bin 'Umar. *Husnu al-Madād fī Fan al-'Adad*. Al-Haram: Maktabah Aulād al-Sheikh li al-Turāth, 2005.
- [23] al-Māliqī, 'Abdul Wāhid Muhamad. *al-Dur al-Nathir wa al-'Azb al-Namir Sharh Kitāb al-Taisīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.
- [24] al-Mukhallilātī, Rīḍwān bin Muhamad. *Al-Qaul al-Wajiz fī Fawāsil al-Kitāb al-'Azīz*. Madinah, 1992.

- [25] Al-Mutawallī, Muḥammad Aḥmad. *Taḥqīq al-Bayān fī Addi Ayi al-Qur’ān*, t.t.
- [26] al-Nuwairī, Muḥammad bin Muḥammad. *Sharḥ Tayyibah al-Nashr fī al-Qira’āt al-‘Ashar*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2009.
- [27] al-Qādī, Abdul Fattāḥ ‘Abdul Ghānī. *al-Wāfi fī Sharḥ al-Syātibiyah*. Damsyiq: Dār al-Qalam, 2020.
- [28] al-Qādī, ‘Abdul Fattāḥ. *al-Budūr al-Zāhirah fī al-Qira’āt al-‘Ashr al-Mutawātirah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1983.
- [29] al-Qādī, ‘Abd al-Fattāḥ ‘Abd al-Ghānī. *Nafāis al-Bayān Sharḥ al-Farāid al-Hisān*. Madinah: Maktabah al-Dār, 1403H.
- [30] al-Quḍāḥ, Ahmad Muḥammad Muflīḥ. Shukrī, Aḥmad Khālid & Mansūr, Muḥammad Khālid. *Muqaddimāt fī Ilm al-Qira’āt*. Amman: Dār ‘Ammār, 2009.
- [31] al-Safāqasī, ‘Alī al-Nurī. *Ghaith al-Naf fī al-Qira’āt al-Sab'*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.
- [32] al-Sakhāwī, ‘Alī bin Muḥammad. *Jamāl al-Qurra' wa Kamāl al-Iqrā'*. Damsyiq: Dār al-Ma'mūn li al-Turāth, 1997.
- [33] al-Sakhāwī, ‘Alī Muḥammad. *Fath al-Wasid fī Sharḥ al-Qasīd*. Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2005.
- [34] al-Shāṭibī, al-Qāsim bin al-Fīrruh. *Nāzimah al-Zuhr fī ‘Ilmi al-Fawāsil*. Kaherah: Maktabah wa Maṭba‘ah Mustafā al-Babī al-Halabī, 1970.
- [35] Ibn al-Jazarī, Muḥammad bin Muḥammad. *al-Nashr fī al-Qira’āt al-‘Ashr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2006.
- [36] Ibrāhīm, ‘Abdul Rāziq ‘Alī. *Al-Muharrar al-Wajiz fī ‘Addi Ayi al-Kitāb al-Azīz*. Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif, 1988.
- [37] Ibrāhīm, ‘Abdul Rāziq ‘Alī. *Mursyid al-Khillān Ilā Ma‘rifah ‘Ad Ayi al-Qur’ān*. Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, 1989.
- [38] Lāshīn, Sayyid, dan Khālid Muḥammad al-Hāfiẓ. *Taqrīb al-Ma‘ānī*. Madinah: Dār al-Zamān, 2021.
- [39] *Muṣṭafā al-Jamāhīriyyah bi Riwayat al-Imām Qālūn*. Tarablus: Jam‘iyyah al-Da‘wah al-Islamiyyah al-‘Alamiyyah, 1989.
- [40] Shukrī, Ahmad Khālid. *al-Muyassar fī ‘Ilmi ‘Addi Ayi al-Qur’ān*. Jeddah: Ma‘had al-Imām al-Shāṭibī, 2012.

